

Krisis Yang Dihadapi Penduduk di Kawasan Tropika

written by Saarani Vengadesen | 29/09/2022

[Kawasan tropika](#) meliputi 40% daripada jumlah keluasan tanah dunia. Kawasan ini menerima pancaran matahari dan hujan yang banyak. Oleh itu, kawasan ini mengandungi kira-kira 80% daripada biodiversiti dunia. Walaupun kawasan tropika kaya dengan sumber semula jadi tetapi terdapat pelbagai krisis yang dihadapi oleh manusia yang menetap di kawasan ini.

Suhu yang tinggi di kawasan tropika menjadi rumah hijau pembiakan dan penyebaran pelbagai jenis patogen. Dalam laporan berita yang berkaitan dengan kawasan tropika, sering dilihat negara-negara ini dilanda [malaria](#), [schistosomiasis](#), [kepialu](#) dan penyakit lain sepanjang tahun. Penyakit-penyakit ini merebak di negara-negara kawasan tropika terutamanya di kawasan golongan miskin. Hal ini disebabkan oleh masalah kekurangan bekalan air bersih, tempat kediaman yang kotor dan kos rawatan yang tinggi. Sebilangan penyakit tersebut dapat dicegah melalui vaksin dan dirawat sepenuhnya sementara sebilangan besar penyakit tersebut tidak dapat dicegah dan dirawat langsung.



Sains dan teknologi memainkan peranan yang besar dalam mengatasi masalah ini. Inovasi dalam bidang perubatan mempunyai potensi besar untuk mencegah jangkitan, mengawal wabak dan juga menghantar bekalan perubatan ke kawasan terpencil dengan menggunakan drone. Selain itu, kemajuan dalam bidang telekomunikasi juga membolehkan para saintis berkongsi maklumat dan hasil kajian mereka. Tuntasnya, penggunaan teknologi dapat mengurangkan dan menghapuskan pendedahan manusia kepada penyakit.

Tahap kemiskinan negara-negara di kawasan tropika lebih tinggi berbanding dengan negara-negara di kawasan lain. Penyakit yang merebak menyebabkan golongan miskin tidak mempunyai tenaga dan kebolehan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Pada masa yang sama, taraf hidup yang rendah menyebabkan mereka dijangkiti penyakit. Oleh itu, inovasi dalam bidang perubatan sangat diperlukan untuk menghapuskan wabak penyakit tersebut.

Selain itu, ekonomi sesebuah negara perlu dimajukan untuk membasmi kemiskinan.

Penggunaan teknologi dan sains dapat meningkatkan jumlah pendapatan negara dengan memajukan bidang pertanian, perikanan, penternakan dan perindustrian. Penggunaan teknologi dapat meningkatkan jumlah keluaran, meningkatkan kualiti produk dan menjimatkan masa. Misalnya, penggunaan jentera menuai padi dapat menjimatkan masa. Jelaslah bahawa perkembangan sains dan teknologi dapat meningkatkan taraf hidup manusia.

Masalah [perubahan iklim](#) juga merupakan krisis yang dihadapi oleh manusia di kawasan tropika. Kesan perubahan iklim ialah kawasan yang kering akan menjadi lebih kering dan mempunyai risiko kemarau yang lebih tinggi, manakala kawasan yang lembap akan menjadi lebih lembap dan mempunyai risiko banjir yang lebih tinggi. Dalam jangka masa yang pendek, kesan perubahan iklim terhadap kesihatan manusia bergantung kepada kerentanan dan daya tahan manusia terhadap kesan perubahan iklim. Penggunaan sains dan teknologi dapat membantu mereka yang terdedah kepada kesan perubahan iklim melalui pembinaan kawasan perlindungan, pengangkutan makanan dan perubahan.

Hal ini dapat memastikan mereka mendapat makanan dan minuman yang cukup serta tempat tinggal yang selamat. Selain itu, inovasi dalam perubatan juga boleh memudahkan mereka untuk mendapatkan rawatan. Contohnya, aplikasi yang boleh membantu paramedik untuk melakukan diagnosis ke atas pesakit seperti 'stethoscope' yang boleh disambung terus ke telefon bimbit untuk berkongsi mendengar bunyi degupan jantung. Tuntasnya, penggunaan dapat menjamin keselamatan dan kesihatan manusia apabila menghadapi kesan perubahan iklim.

Dalam jangka masa yang panjang, kesan perubahan iklim bergantung kepada sejauh manakah tindakan yang diambil oleh manusia untuk mengurangkan pelepasan bahan pencemar. Pelepasan bahan pencemar seperti asap daripada kenderaan dan karbon dioksida dari kilang menyumbang kepada perubahan iklim. Antara cara untuk mengatasi masalah ini ialah menghasilkan ciptaan teknologi yang mesra alam dan alternatif kepada sumber boleh diperbaharui. Tamsilnya, penggunaan [kereta elektrik](#) yang mengurangkan penghasilan karbon serta menggunakan tenaga boleh diperbaharui. Secara tuntas, kita perlu memanfaatkan teknologi untuk melestarikan alam demi kesejahteraan hidup manusia.



This essay was written by Lee Hui Ming who is currently a student at SMJK Chan Wa Seremban. Her essay was selected as the 1st place winner of Bahasa Melayu category of the [2022 Science for Youth Global Essay Competition](#) held by the Mahathir Science

Award Foundation. In this competition, participants were asked, "How can science and technology remedy the issues faced by tropical regions?".